



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**23 Disember 2023
10 Jamadilakhir 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Nelayan Tanjung Dawai terima rumah
The Star (metro)	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	/	NEGATIF		NEUTRAL		30	23/12/2023

Nelayan Tanjung Dawai terima rumah

LKIM bina 300 unit kediaman bagi tingkatkan taraf hidup golongan itu

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID SUNGAI PETANI

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memperuntukkan sebanyak RM48 juta bagi pembinaan rumah nelayan menerusi projek Penempatan Semula Nelayan (PSN) Tanjung Dawai. Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil berkata, PSN Tanjung Dawai merangkumi 300 unit rumah berkembar lengkap dengan pelbagai kemudahan seperti dewan serba guna, tadika, surau, taman permainan dan pa-

dang futsal.

Menurutnya, setiap unit rumah di bawah projek itu berharga RM54,000 dan dijual dengan konsep sewa beli kepada pemohon yang layak.

"Sehingga kini LKIM telah menyerahkan 276 unit rumah di PSN ini, manakala 24 unit masih kosong dalam proses mengenal pasti nelayan layak untuk mendapatkan rumah tersebut.

"Harapan saya untuk penempatan berkelompok sebegini dapat diteruskan di negeri-negeri lain dan kita dalam proses (menyiapkan), ada tempat yang telah siap di Melaka (dan) Sarawak menunggu untuk penyerahan," katanya.

Beliau berkata sedemikian selepas menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Penempatan Semula Nelayan (PSN) Tanjung Dawai di Dewan Besar PSN Tanjung Dawai di sini pada Khamis.



Muhammad Faiz (kanan) beramah mesra dengan nelayan pada Majlis Penyerahan Kunci Penempatan Semula Nelayan (PSN) Tanjung Dawai di Dewan Besar PSN Tanjung Dawai, Sungai Petani pada Khamis.

Hadir sama, Pengarah LKIM Kedah, Mohd Fauzi Ghazali.

Tambah Muhammad Faiz, pembinaan rumah tersebut merupakan inisiatif kerajaan untuk meningkatkan taraf sosial dan ekonomi nelayan.

"Nelayan ini mereka tidak ada rumah tetap, jadi di sini kita

amal konsep sewa beli (dengan kadar) RM150 sebulan selama 30 tahun (melibatkan) harga keseluruhan dalam RM54,000.

"Rumah yang sangat murah untuk nelayan menikmati (manfaat), selain itu kita juga menjalankan program bina baharu dengan syarat mereka mem-

punya tanah sendiri," jelasnya. Menurutnya, rumah-rumah tersebut akan dibagikan mengikut kelayakan peserta secara adil di seluruh negara dengan setiap negeri akan mendapat peruntukan.

Sebelum itu, beliau turut menyerahkan replika kunci rumah kepada 11 penerima di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN).

Seramai empat penerima di bawah projek bina baharu itu, manakala tujuh penerima di bawah projek PSN yang terdiri daripada ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Tanjung Dawai dan nelayan aktif.

Bagi projek bina baharu itu, rumah baharu akan dibina di atas tanah milik nelayan dengan kos maksimum RM68,000 sebuah di Semenanjung Malaysia.

Untuk rekod, sebanyak lapan rumah nelayan di bawah PKPN bina baharu telah diluluskan di Tanjung Dawai melibatkan peruntukan sebanyak RM272,000 pada 2022.